

152

SOALAN NO. 368

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

SOALAN :

YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bilangan biasiswa luar negara dan dalam negara yang diberi JPA sejak tahun 2012 sehingga 2017, serta jumlah yang diperuntukkan setiap tahun ; dan
- (b) jumlah pelajar yang ditaja oleh JPA yang masih belum mendapat penempatan di pejabat awam. Nyatakan jumlah pengangguran pasca pembekuan perkhidmatan awam.

153

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tahun 2012 hingga 2017 adalah seramai 50,367 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut bilangan penajaan bagi pengajian dalam negara adalah seramai 48,538 orang pelajar (96.4%) manakala bagi pengajian ke luar negara pula adalah 1,829 orang (3.6%).

Jumlah peruntukan yang telah diterima bagi penajaan JPA adalah di antara RM1.4 hingga RM1.6 billion bagi membiayai pelajar baharu dan pelajar-pelajar dalam pengajian iaitu jumlah penajaan tertanggung setiap tahun.

Dasar penajaan JPA adalah bertujuan untuk membekalkan tenaga terlatih bagi memenuhi bukan sahaja keperluan di sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Graduan tajaan JPA (iaitu pelajar yang menerima tajaan JPA dan telah menamatkan pengajian dengan jayanya) hendaklah melapor diri dan memohon jawatan dengan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Seramai 11,035 orang graduan tajaan JPA telah dilantik ke Perkhidmatan Awam melalui lantikan SPA dari tahun 2012 sehingga tahun 2017.

Pecahan jumlah graduan tajaan JPA dan jumlah yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam melalui lantikan SPA mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Graduan Tamat	Jumlah Graduan Berkhidmat Melalui Lantikan SPA
2012	9,123	2,138 (23%)
2013	8,520	2,414 (28%)
2014	12,706	2,791 (22%)
2015	14,595	1,787 (12%)
2016	13,569	1,548 (11%)
2017	15,261	357 (2%)
Jumlah	73,774	11,035 (15%)

Selain daripada SPA, graduan tajaan JPA juga boleh memohon jawatan dengan PBM seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Majlis Angkatan Tentera dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan lain sebagaimana yang diarah atau dipersetujui oleh Kerajaan.

Mulai tahun 2011 Kerajaan juga telah melaksanakan dua inisiatif iaitu *Talent Acceleration in Public Service (TAPS)* dan *Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR)* sebagai alternatif kepada graduan tajaan JPA yang tidak dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Disamping itu, pelajar juga berpeluang untuk mengikuti program keusahawanan anjuran Kerajaan yang diselenggarakan oleh Talent Corp.

Program TAPS dilaksanakan untuk menindik graduan tajaan JPA bagi menimba pengalaman di agensi/jabatan Kerajaan terpilih sebelum diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam. Program STAR pula membenarkan graduan tajaan JPA untuk berkhidmat di syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan, syarikat swasta atau syarikat yang berdaftar di bawah program ini. Sehingga Disember 2017, sebanyak 2,774 syarikat telah berdaftar di bawah program STAR dan seramai 5,148 orang graduan telah mendapat manfaat dari inisiatif Kerajaan ini.

Ingin ditegaskan di sini bahawa tajaan JPA tidak bermaksud 100% pelajar-pelajar yang ditaja mesti berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Tajaan ini bertujuan untuk membolehkan pelajar cemerlang meneruskan pengajian dengan jayanya dan seterusnya dapat memulakan kerjaya yang bersesuaian dalam apa-apa bidang di dalam negara. Ini akan dapat memastikan modal insan terbaik dalam pelbagai sektor ekonomi di negara ini.

Kerajaan juga tidak membekukan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam. Kekosongan jawatan berikutan daripada persaraan, kematian, peletakan jawatan dan kenaikan pangkat akan terus diisi. Oleh itu, sewajarnya tidak timbul isu pengangguran pasca pembekuan jawatan kerana peluang pekerjaan masih terbuka dalam perkhidmatan awam di samping graduan boleh berkhidmat di sektor swasta mahupun menjadi seorang usahawan.

Sekian, terima kasih.